

A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Kita masih dapat berkomunikasi dengan orang yang tinggal _____ daripada tempat tinggal kita dengan menggunakan telefon bimbit.
A jauh C jarang
B rapat D hampir
- Hazim memastikan kandang haiwan ternakannya sentiasa _____ untuk memastikan haiwan ternakannya tidak dijangkiti penyakit.
A comel C bersih
B harum D lembut
- Adlin _____ menabung kerana amalan menabung telah diajarkan oleh ibunya kepadanya sejak dia masih kecil.
A kuat C berani
B rajin D pantas
- Komputer riba model baharu itu sangat ringan dan _____ bentuknya.
A panjang C tinggi
B rendah D nipis

B. Tandakan (✓) pada jenis ayat yang betul.

- Wah, canggihnya alat pencuci pinggan mangkuk ini!
Ayat Seruan () Ayat Perintah ()
- Apakah kaedah penuaian yang sesuai untuk pokok jagung?
Ayat Penyata () Ayat Tanya ()
- Encik Qayum menternak pelbagai jenis baka kambing.
Ayat Perintah () Ayat Penyata ()
- Harap kamu dapat menerangkan cara untuk menggunakan mesin pembuat aiskrim ini.
Ayat Penyata () Ayat Perintah ()
- Penyedut minuman daripada beras itu dapat mengurangkan pencemaran alam.
Ayat Penyata () Ayat Perintah ()



Revisi Pantas

Kata Adjektif

Kata Adjektif Jarak

Contoh:

– dekat, hampir, jarang, jauh, rapat

Kata Adjektif Pancaindera

Contoh:

– bersih, comel, harum, lembut

Kata Adjektif Ukuran

Contoh:

– besar, luas, panjang, tebal

Kata Adjektif Sifat

Contoh:

– berani, kuat, pantas, rajin

Jenis-jenis Ayat

- Ayat nyata menceritakan sesuatu hal atau memberikan keterangan tentang sesuatu hal.
- Ayat tanya mesti disertai kata tanya seperti apa, bagaimana, bila, berapa, mana, dan siapa serta diakhiri dengan tanda soal (?).
- Ayat seruan didahului kata seruan seperti aduh, aduhai, amboi, cis, dan wah serta diakhiri dengan tanda seru (!).
- Ayat perintah digunakan untuk menyuruh, meminta sesuatu, memerintah atau melarang seseorang daripada melakukan sesuatu serta disertai kata perintah seperti harap, minta, sila, dan tolong.